

Gereja sinodal ialah gereja yang mendengar, sadar bahawa mendengar dengan teliti lebih daripada mendengar dengan biasa. Ia adalah mendengar timbal balik di mana setiap orang mempunyai sesuatu untuk dipelajari.”

Paus Fransiskus



Ayat Suci Minggu ini:

Yeremia 31: 7-9

Mazmur 125: 1-6

Ibrani 5: 1-6

Markus 10: 46-52

Semasa Yesus meneruskan perjalanan, sekumpulan besar orang mengikuti Dia dan murid-muridNya. Meninggalkan Yerikho, mereka melewati seorang buta, seorang pengemis, bernama Bartimeus. Apabila mengetahui bahawa Yesus sedang lewat, dia berseru kepada Yesus untuk mengasihaniNya, iaitu menyembuhkannya. Dia memanggil Yesus, "Anak Daud", satu gelaran mesianik, menunjukkan bahawa Yesus adalah raja Daud, pewaris janji yang dibuat kepada Raja Daud (2 Sam. 7:12-16).

Walaupun sesetengah orang cuba menghalang Bartimeus daripada mengaitkan gelaran "Anak Daud" kepada Yesus, lelaki buta itu gigih. Baginya, Yesus adalah Gurunya. Dia mempunyai kepercayaan yang begitu mendalam kepada Yesus, dan inilah yang menarik perhatian Yesus. Akibatnya, Yesus menyuruh murid-muridNya membawa Bartimeus lebih dekat kepadaNya.

Dalam menyembuhkannya, Yesus tidak menyentuh Bartimeus atau berkata, "Imanmu telah menyelamatkanmu". Ini adalah kerana iman Bartimeus yang mendalam kepada Yesus. Apabila menerima penglihatannya, Bartimeus segera mengikuti Yesus "dalam perjalanan". Oleh itu, Bartimeus dipersembahkan sebagai model iman kepada kita. Dia menunjukkan kepada kita bahawa hanya dengan iman dan kepercayaan sepenuhnya kepada Yesus seseorang boleh "melihat" Yesus.

Bagaimana pula dengan kita? Adakah kita seperti murid-murid yang berfikir bahawa kita mengenali Yesus? Lagipun, kita sudah lama beragama Kristian. Atau kita akan secara jujur mengakui bahawa kita "buta", iaitu, masih tidak dapat "melihat" siapa Yesus dalam hidup kita?

Petikan Injil hari ini mengingatkan kita bahawa seperti Bartimeus, kita harus terus berseru kepada Yesus: "Anak Daud, kasihanilah aku" berulang kali dalam iman dan dengan kepercayaan penuh agar kita dapat mendekati diri kepadaNya. Kita melakukan ini supaya Dia boleh membuka mata kita dan membantu kita untuk benar-benar "melihat" Dia, dan dengan berbuat demikian, sebagai muridNya, bersedia untuk mengikut Dia sepanjang jalan.✠

**FOKUS BULANAN
PERKONGSIAN MISI KE ARAH SEBUAH
GEREJA SINODAL**

Adakah Kita Masih "Buta"?

Sejak beberapa minggu yang lalu, Spetikan Injil telah menerangkan perjalanan Yesus ke Yerusalem. Sepanjang perjalanan, Yesus telah meramalkan kepada murid-muridNya bahawa Dia akan mengalami sengsara dan kematianNya. Walau bagaimanapun, mereka tidak memahami apa yang Dia cuba katakan kepada mereka. Dengan kata lain, mereka masih "buta" tentang siapa Yesus dan tentang tujuan sebenar misiNya.

